



**TEKS UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN JULAI 2018**

TARIKH : 9 JULAI 2018 (ISNIN)

MASA : 8.30 PAGI

**Tempat : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pagi ini seperti juga pada pagi-pagi yang lain setiap bulan kita berkumpul di sini untuk satu tujuan, iaitu tujuan memperbaiki pentadbiran Negara kita ini. Pentadbir yang berkumpul di sini pada pagi ini adalah pentadbir di puncak pemerintahan negara. Sama ada, negara kita maju kerana ada pentadbiran yang baik atau tidak bergantung kepada kita semua.

Kita telah berdoa meminta kepada Tuhan supaya kita capai matlamat-matlamat kita, tetapi jangan lupa bahawa doa kita mesti disusuli dengan tindakan oleh kita. Kalau kita hanya berdoa, bersembahyang hajat tetapi tidak berbuat apa-apa maka segala cita-cita kita tidak akan datang bergolek ataupun melayang ke arah kita. Untuk kita capai matlamat yang kita suarakan dalam doa kita tadi, kita perlu mengambil tindakan-tindakan tertentu.

Dalam dunia ini kita lihat ada negara yang maju, ada negara yang mundur, bahkan ada negara-negara yang tidak selamat sama sekali, kerana peperangan di kalangan mereka sendiri. Kita boleh maju seperti orang lain juga kalau kita mempunyai sifat-sifat yang boleh menyumbang kepada kemajuan kita. Kalau kita tidak ada sifat-sifat yang

baik ini, nilai-nilai hidup yang baik ini, walaupun kita berusaha kita tidak akan berjaya. Sebab itulah kita kena fikir, tentang sifat dan nilai hidup pegangan kita.

Kalau kita perhatikan, negara-negara maju mempunyai budaya tertentu. Mereka rajin bekerja, amanah, berusaha, tekun, belajar menguasai ilmu dan sebagainya. Mereka juga amal apa yang mereka pelajari, mereka juga amal nilai-nilai hidup yang mulia, yang menjadi sebahagian daripada budaya mereka. Tetapi, ada juga negara yang kurang maju, dan mereka kurang maju kerana rakyat mereka, khususnya pentadbir mereka tidak berpegang kepada nilai-nilai yang mulia. Apabila mereka diberi tempat, diberi kuasa, mereka menyalahgunakan tempat mereka dan kuasa mereka.

Pentadbir-pentadbir di dalam negara kita ini, memang mempunyai kuasa. Kuasa itu untuk membolehkan kita capai matlamat kita, dengan tindakan-tindakan tertentu. Kuasa itu bukan untuk diri kita, bukan untuk memperkayakan diri kita ataupun keluarga kita ataupun sahabat handai kita. Kuasa itu mempunyai matlamat yang khusus iaitu bagi menjayakan negara kita. Banyak tugas-tugas, kerja-kerja yang perlu dibuat sebelum kita mencapai matlamat kita. Tetapi kalau kita tidak mempunyai niat yang baik, tidak berpegang kepada nilai-nilai yang mulia maka segala

cita-cita kita itu tidak akan tercapai. Dia tidak bergantung semata-mata kepada doa ataupun sembahyang hajat yang kita lakukan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sedang cuba menjelaskan asas-asas kejayaan masyarakat. Kalau masyarakat itu tidak mempunyai nilai-nilai yang mulia maka masyarakat itu tidak mungkin berjaya. Tuhan mengurniakan kepada kita pelbagai kebolehan tidak ada kurang tidak ada lebih semata-mata kerana kita bukan daripada bangsa itu dan bangsa ini ataupun kerana warna kulit kita berlainan, ataupun kerana kita beragama lain. Tuhan mengurniakan kepada kita kebolehan yang sama. Menjadi penting ialah bagaimana kita menggunakan kebolehan yang dianugerahkan kepada kita.

Sebab itu saya ingin merayu dan meminta kepada kita semua, supaya berikrar untuk menjayakan negara tercinta ini dengan mengamalkan nilai-nilai hidup yang mulia. Apakah nilai-nilai hidup yang mulia? sudah tentu kerajinan. Kerajinan berusaha, bekerja membuat sesuatu untuk mencapai sebaik mungkin daripada hasil kerja kita. Untuk ini, kita perlu ikhlas kepada diri kita, kita tidak boleh menipu kerana ingin dilihat sebagai orang yang mencapai matlamat. Kita perlu bekerja dengan ikhlas, dengan hati yang ikhlas dan kita tidak akan menyalah gunakan kuasa kita.

Kuasa kita bukan untuk kita meraih kekayaan bagi diri kita. Kuasa kita diberi dengan tujuan tertentu untuk mentadbirkan negara tercinta ini dengan sebaik mungkin dan kita mempunyai kebolehan itu yang diperlukan semata-mata mempunyai nilai hidup yang mulia iaitu dengan kerajinan, keikhlasan, amanah, disiplin dan macam-macam lagi nilai-nilai yang manusia akui adalah nilai yang mulia. Tetapi kadang-kadang kita terpesong kerana apabila diberi peluang, apabila mendapat peluang untuk membuat sesuatu bagi diri sendiri kita lupa akan tugas kita. Kita tidak diberi kuasa diperingkat ini untuk memperkayakan diri kita. Kita diberi kuasa supaya kita dapat menjalankan tugas-tugas tertentu. Inilah sebabnya yang kita berkuasa.

Apabila sahaja kita menyeleweng, menyalahgunakan kuasa, percayalah kita sendiri, akan jadi mangsanya kemudian. Kita sendiri akan lihat negara kita menjadi negara yang mundur dan yang tidak mungkin mencapai kejayaan. Sudah tentu negara kita tidak akan jadi negara maju yang dicita-citakan oleh kita. Kita telah perkenalkan Wawasan 2020, kita sedang berjalan ke arah itu. Tetapi apabila kita lupa akan kuasa, tujuan kuasa yang diberikan kepada kita maka jalan itu terhenti dan sekarang ini kita tidak lagi percaya kita boleh capai matlamat kita. Kita tidak akan menjadi negara maju pada tahun 2020 tetapi kita boleh jadi negara maju kerana kebolehan itu ada pada kita.

Hanya yang diperlukan ialah keikhlasan, amanah, kerajinan, usaha dan yang utama sekali berpuas hati dengan hasil kerja kita. Bukan dengan apa yang kita dapat tetapi dengan hasil kerja kita. Apabila kita dapat berdiri di sini, kita berasa bangga kerana dahulu kawasan ini ialah kawasan kelapa sawit. Tetapi, hari ini dia menjadi sebuah bandar yang dikagumi oleh seluruh dunia. Siapakah yang mendirikan bandar ini? tentulah kita. Kalau kita tidak, kalau kita tidak berminat tentu bandar ini tidak dapat didirikan. Terdirinya bandar ini menunjukkan bahawa, apabila ada keikhlasan, apabila kita menjalankan tugas seperti yang dikehendaki daripada kita, Insyallah cita-cita kita akan tercapai.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, setiap sebulan sekali kita mendengar pelbagai syarahan-syarahan. Ini bukanlah satu hiburan untuk kita berseronok tetapi untuk memperingati diri kita bahawa kita menjadi pentadbir kerana harapan masyarakat Malaysia ini kepada kita, bahawa dengan kepimpinan dan kerja kita maka akan tercapailah negara maju yang dicita-citakan oleh semua rakyat Malaysia. Jadi saya berharap apabila tamat perhimpunan kita pada pagi ini, kita fikir betul-betul apakah tugas kita, apakah sumbangan kita dan apakah kuasa yang diberi kepada kita itu diguna dengan sempurna ataupun tidak.

Percayalah, jika kita tidak mempunyai nilai hidup yang mulia dan kita menyalah gunakan apa sahaja yang diberi kepada kita, maka matlamat kita tidak akan tercapai dan dunia akan memandang hina kepada bangsa ini, yang tidak dapat membangunkan negara sendiri, yang selalu bergantung kepada orang lain, yang suka mendapat sesuatu dengan percuma tanpa berusaha menyumbang kepada kerja-kerja untuk membangunkan negara kita ini.

Sekian, terima kasih.

9 Julai 2018